

Kaji isu kumpulan T20 tidak mampu beli rumah

Oleh JOHANNA A. SOBREY

KUALA LUMPUR – Kerajaan akan mengkaji isu mengapa kumpulan isi rumah 20 peratus berpendapatan tinggi (T20) tidak mampu membeli rumah dan turut tergolong dalam program perumahan mampu milik yang dijalankan kerajaan.

Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara, Jayaselan Navaratnam berkata, apabila program tersebut dirangka, pihaknya tidak pernah mengambil kira kumpulan T20.

“Ini kerana struktur pendapatan yang kami ambil adalah dari 2014 dan kini telah tahun 2017.

“Malah rekaan program rumah mampu milik dilaksana-



MASIH ramai lagi kumpulan isi rumah yang tidak mampu membeli rumah kerana pelbagai isu. –Gambar hiasan

kan untuk kumpulan 40 peratus isi rumah berpendapatan rendah (B40) dan kemudian terdapat permintaan untuk melibatkan kumpulan pertengahan M40.

“Namun, kami dapati bahawa kumpulan T20 dengan gaji yang

melebihi RM8,000 sebulan tidak mampu membeli rumah walaupun harganya sebanyak RM300,000 seunit.

“Ia suatu perkara yang perlu dikaji rapi,” katanya di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kenyataan Institut Penyelidikan Khazanah (KRI) yang menda-

pati kumpulan T20 mendapat bantuan perumahan mampu milik dan memberi kesan terhadap kewangan kerajaan.

Sehubungan itu, Jayaselan berkata, antara elemen yang akan dilihat termasuk apakah

yang dilakukan kumpulan T20 terhadap pendapatan mereka serta faktor-faktor yang menyebabkan mereka tidak mampu membeli rumah sendiri.

“Komunikasi dengan pelbagai pihak termasuk Bank Negara Malaysia juga akan dibuat bagi memahami dan mendapatkan pandangan realistik berkenaan isu ini.

“Selain itu, kami juga akan melihat isu-isu yang dibangkitkan pihak pemaju untuk mengetahui masalah sebenar dan cara-cara untuk menanganinya agar dapat menyediakan rumah mampu milik di pasaran,” katanya.

Beliau menegaskan bahawa fokus utama kerajaan pada masa ini ialah menyediakan bantuan perumahan mampu milik kepada kumpulan B40.

INFO Pendapatan isi rumah

Kategori

Bawah 40 peratus (B40)
Di bawah **RM3,860** sebulan

Pertengahan 40 peratus (M40)
RM3,860 hingga **RM8,319** sebulan

Di atas 20 peratus (T20)
RM8,320 ke atas sebulan

Jumlah penduduk bawah program bantuan perumahan mampu milik berdasarkan kriteria kelayakan pendapatan (%)

Pulau Pinang	92.2
Wilayah Persekutuan Labuan	90.5
Kelantan	84.8
Johor	80.3
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	77.4
Selangor	75
Wilayah Persekutuan Putrajaya	70.1
Sarawak	65.5
Melaka	49.6
Pahang	41.4
Perlis	37.4
Terengganu	28.6
Negeri Sembilan	24.7
Perak	21.3
Sabah	18.7
Kedah	17.5

Sumber: Kerajaan negeri, KRI